LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 8 MEI 2018

KUALA SELANGOR. TANJONG KARANG

HUBUNGI SKUAD KUALA SELANGOR: ARZIANA MOHMAD AZAMAN - 019-6680950 / 019 6680275

Habitat kelip-kelip selamat

KSSB guna kaedah pontoon untuk proses cuci gali sungai

ARZIANA AZAMAN

KUALA SELANGOR

Muhammad Faiz menunjukkan tapak projek cuci gali di Mukim Pasangan dalam Kampung Asahan.

Projek cuci gali sungai yang dilaksanakan oleh anak syarikat kerajaan negeri, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB) diyakini tidak menjejaskan habitat kelip-kelip yang ada di Kampung Kuantan, di sini.

Kedudukan tapak projek yang sejauh tujuh kilometer dari kawasan zon perlindungan habitat kelip-kelip itu menggunakan kaedah *pontoon* tanpa merosakkan pokok berembang atau nipah yang ada.

Ketua Jabatan Perhubungan Teknikal KSSB, Muhammad Faiz Zainuddin menjelaskan, kaedah *pontoon* lebih sesuai dengan menyedut bahan berpasir dan kelodak masuk ke kolam hampas sebelum air cucian kembali ke sungai.

Menurutnya, aktiviti cuci gali Sungai Selangor di lokasi berkenaan bermula seawal tahun 2015 dan melibatkan 16 tapak di jajaran Sungai Selangor secara keseluruhan yang bertujuan untuk membersihkan dan mendalamkan sungai.

"Kaedah yang digunakan ini secara nyatanya tidak menjejaskan habitat kelip-kelip seperti yang didakwa segelintir pihak bahkan membantu memelihara tebing sungai yang rosak akibat dari hakisan ketika musim tengkujuh dan mengurangkan risiko banjir.

"Ingin saya jelaskan bahawa projek ini di luar kawasan zon perlindungan kelip-kelip dan pemantauan dilaksanakan dari masa ke semasa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut mengenai aduan pencemaran disebabkan minyak jentera yang digunakan, Muhammad Faiz menafikan timbulnya pencemaran seumpama itu.

"Sampel air sungai yang keluar dari tapak projek sentiasa diambil setiap bulan bagi memastikan tiada bahan tercemar dan laporan makmal setakat ini negatif dan air yang keluar tidak tercemar dengan kandungan minyak.

"Bekas takungan minyak disediakan bagi mengelakkan tumpahan minyak dan sentiasa pastikan aliran air melalui kolam hampas yang disediakan bagi mengurangkan kandungan pepejal terampai," katanya.

Muhammad Faiz berkata, projek yang dijangka tamat akhir tahun itu lebih dekat dengan jalan utama sebagai pendedahan kepada orang awam mengenai projek yang dilaksanakan KSSB.

"Tiada apa yang nak disembunyikan kerana aktiviti yang dijalankan mengikut syarat yang ditetapkan jabatan teknikal dan mempunyai permit yang sah dari pentadbir tanah.

"Tapak seluas 1.2 hektar ini mempunyai lesen pendudukan sementara yang dikeluarkan pentadbir tanah dan akan diperbaharui berdasarkan keperluan dari masa ke semasa.

"Pentadbir tanah mengadakan taklimat bersama jabatan teknikal dan pihak pengadu bagi memberi penjelasan berkenaan isu tersebut dan kerajaan negeri sentiasa memantau kelulusan yang dikeluarkan bersama jabatan teknikal.

"Sebagai penjelasan umum, projek cuci gali sungai Selangor yang melibatkan daerah Kuala Selangor dan Hulu Selangor ini tidak menjejaskan habitat kelip-kelip malah kita membantu memelihara kawasan selepas projek selesai nanti.

"Sebelum tapak ini ditutup, KSSB akan menjalankan aktiviti penanaman semula tumbuhan yang bersesuaian di kawasan ini dan memastikan tebing sungai dibaikpulih," katanya.

Muhammad Faiz (kiri) bersama kakitangan KSSB meninjau kolam hampas.